

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Podcast #BijakWang di Puncak Kinabalu: mySalam Cipta Rekod Baharu Literasi Kewangan Negara

Inisiatif digital unik dalam usaha memperkasakan rakyat Malaysia dengan ilmu kewangan.

31 Julai 2026, Kuala Lumpur – mySalam, yang diuruskan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad, sekali lagi mencipta sejarah apabila berjaya mencatatkan nama dalam *Malaysia Book of Records* bagi kategori “Siaran Literasi Kewangan Pada Altitud Tertinggi” menerusi rakaman khas podcast #BijakWang di Gunung Kinabalu yang disiarkan di saluran TikTok dan Instagram ‘mysalamofficial’. Sehingga kini, saluran rasmi tersebut telah mencatatkan lebih 688,000 tontonan serta lebih 37,000 tanda suka secara keseluruhan. #BijakWang yang telah dilancarkan pada bulan Januari yang lalu bertujuan untuk memperkasakan golongan belia serta menyantuni masyarakat B40 di seluruh Malaysia, selari dengan aspirasi untuk membina masyarakat yang lebih berdaya tahan dari segi kewangan.

Inisiatif digital unik ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan mySalam untuk memperluaskan kesedaran mengenai kepentingan literasi kewangan dan perlindungan kewangan kepada rakyat Malaysia melalui pendekatan yang lebih dekat, relevan dan mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Detik bersejarah rakaman podcast #BijakWang ini telah berlangsung di Panalaban pada ketinggian 3,280 meter dan turut diteruskan di Puncak Selatan Gunung Kinabalu pada ketinggian 3,900 meter, sekali gus membawa informasi pengurusan kewangan ke titik tertinggi negara. Ekspedisi ini membawa simbolisme penting bahawa cabaran pengurusan kewangan individu mempunyai banyak persamaan dengan perjalanan mendaki gunung. Kedua-duanya memerlukan perancangan yang rapi, persediaan yang mencukupi, disiplin yang konsisten dan ketabahan demi mencapai matlamat.

Ketua mySalam di Great Eastern Takaful, En. Syuhaib Ithnin berkata, “Setiap individu mempunyai cabaran kewangan tersendiri yang perlu diharungi dalam kehidupan. Tiada sesiapa dapat berada di puncak Gunung Kinabalu dengan hanya satu langkah besar. Semuanya bermula dengan langkah kecil yang konsisten. Begitu juga dengan perjalanan pengurusan kewangan kita. Kestabilan kewangan tidak akan dicapai hanya dalam satu malam, tetapi melalui tindakan asas seperti mengurus perbelanjaan, membina simpanan, mengawal hutang dan menyediakan perlindungan kewangan.

Mesej utama ekspedisi ini ialah setiap rakyat Malaysia mempunyai gunung kewangan masing-masing untuk didaki. Ada yang berdepan cabaran kos sara hidup, ada yang berusaha mengurangkan beban hutang dan ada yang sedang membina masa depan keluarga. Berbekalkan ilmu, persediaan dan disiplin, setiap puncak mampu dicapai,” katanya.

Pemilihan format podcast ini dibuat berasaskan perubahan trend penggunaan media dan keperluan untuk menyampaikan pendidikan kewangan melalui platform yang lebih mesra generasi muda. Podcast #BijakWang di Panalaban menampilkan barisan panel jemputan terdiri daripada En. Mohd Radzuan Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Takaful Malaysia (MTA), Dato' Ahyat Ishak, Pengasas Pejuang Hartanah serta Jvy Mius, porter Gunung Kinabalu yang turut berkongsi pengalaman hidup dan ketahanan dalam menghadapi cabaran. Sementara itu, sesi rakaman di puncak Gunung Kinabalu telah menyaksikan En. Syuhaib Ithnin, En. Mohd Radzuan Mohamed dan Dato' Ahyat Ishak yang membincangkan kepentingan literasi kewangan, pengurusan risiko dan persediaan menghadapi cabaran masa depan.

“Hari ini, cabaran utama yang dihadapi bukan kerana masyarakat kekurangan maklumat kewangan, namun bagaimana kita menarik perhatian mereka untuk lebih mementingkan pengurusan kewangan. Jika mesej #BijakWang mampu dibawa sehingga ke puncak tertinggi di Malaysia, kami percaya mesej ini juga mampu sampai kepada setiap lapisan masyarakat di seluruh negara,” tambah beliau.

Ekspedisi ini adalah antara langkah permulaan kepada usaha yang lebih besar untuk memperkasakan tahap celik kewangan rakyat Malaysia. Seterusnya, bersempena Bulan Literasi Kewangan pada Oktober ini, mySalam akan menganjurkan National Bijak Wang Challenge, sebuah program yang menyasarkan penyertaan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara. Inisiatif tersebut bertujuan memperkukuh pemahaman mahasiswa terhadap pengurusan kewangan peribadi, perancangan masa hadapan dan kepentingan perlindungan kewangan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan.

Melalui pelbagai program pendidikan kewangan yang dirancang, mySalam komited untuk terus memperkasakan rakyat Malaysia dengan pengetahuan, kemahiran dan kesedaran yang diperlukan bagi membina masa depan kewangan yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

Sejak diperkenalkan pada 2019, mySalam telah membantu lebih 2.02 juta ahli dengan jumlah tuntutan bernilai RM1.49 bilion setakat 30 Jun 2026.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan teras tanggungjawab sosialnya – Financial Literacy (GREAT-Pintar) dan Meningkatkan Kualiti Hidup (GREAT-Care) demi kesejahteraan masyarakat.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia pada tahun 2023. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Pada tahun 2025, Great Eastern Takaful sekali lagi dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik oleh The BrandLaureate BestBrands Awards selain memenangi tiga anugerah daripada HR Excellence Awards 2025. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com